

UPHAMOL MENSTRUAL TABLET

Paracetamol/Pamabrom (500mg /25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Uphamol Menstrual
2. Bagaimana Uphamol Menstrual berfungsi
3. Sebelum mengambil Uphamol Menstrual
4. Cara mengambil Uphamol Menstrual
5. Semasa mengambil Uphamol Menstrual
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol Menstrual
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Uphamol Menstrual

Uphamol Menstrual digunakan untuk melegakan simptom peningkatan berat badan oleh air, perut kembung, bengkak, sakit kepala, sakit bahagian belakang badan, sakit otot, sakit dan kekejangan yang dikaitkan dengan prahaid dan haid.

Bagaimana Uphamol Menstrual berfungsi

Uphamol Menstrual mengandungi paracetamol dan pamabrom sebagai bahan aktif. Paracetamol melegakan kesakitan. Pamabrom bertindak sebagai diuretik dengan meningkatkan pembuangan air kencing.

Sebelum mengambil Uphamol Menstrual

- *Bila tidak boleh mengambil*
Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap
 - Paracetamol
 - Pamabrom
 - sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan ambil ubat ini jika anda:

- mempunyai kegagalan hati
- mempunyai masalah buang air kencing
- mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda kerosakan. Jika telah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

- *Sebelum mengambil Uphamol Menstrual*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan termasuklah:

- Penyakit hati
- Penyakit buah pinggang

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan dan Uphamol Menstrual boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

- Warfarin
- Sebarang diuretik yang lain

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Uphamol Menstrual.

Cara mengambil Uphamol Menstrual

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dewasa dan kanak-kanak umur 12 tahun dan ke atas:

Ambil 2 biji setiap 4 hingga 6 jam. Jangan mengambil melebihi 8 biji dalam masa 24 jam.

Uphamol Menstrual tidak digalakkan penggunaannya di kalangan kanak-kanak bawah umur 12 tahun.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil Uphamol Menstrual seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Ambil Uphamol Menstrual secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tanda-tanda awal (mual, muntah, lemah badan) selalunya berlaku selepas terambil secara berlebihan.

Jika anda atau orang lain terlebih mengambil Uphamol Menstrual, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakelesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa mengambil Uphamol Menstrual

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Uphamol Menstrual.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Uphamol Menstrual.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau menyusukan bayi.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil Uphamol Menstrual untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mengandungi Paracetamol. Jangan ambil ubat lain yang juga mengandungi PARACETAMOL pada waktu yang sama.

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Tanda-tanda alahan termasuklah kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Jika tanda-tanda ini berlaku, berhenti mengambil ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin.

Jangan mengambil ubat ini jika anda alah terhadap paracetamol.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Apabila diambil dalam dos yang disyorkan, kesan yang tidak diingini daripada Uphamol Menstrual jarang berlaku dan biasanya ringan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, or atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety)

Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol Menstrual

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikedalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering bersuhu bawah 30°C.

Jangan simpan Uphamol Menstrual atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Uphamol Menstrual atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil berwarna merah jambu muda, berbentuk bujur, bersalut dengan tanda "CCM" pada satu permukaan dan tidak bertanda pada permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Paracetamol
- Pamabrom

Bahan tidak aktif:

- Microcrystalline Cellulose 102
- Colloidal Silicon Dioxide
- Sodium Starch Glycolate
- Magnesium Stearate
- Opadry II Pink

- Nombor MAL

MAL12025061X

Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL MFG (M) SDN BHD (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650, Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

CCM PHARMACEUTICALS SDN BHD (27754-W)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP

15/05/2017

Nombor siri:

BPFK (R4/1)070417/00070